

R GB 23-01 00163 BA412

bah

SYARAT SSB TIDAK AKAN DIUBAH

Mahathir - SSB

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarat perkhidmatan yang ditawarkan kepada anggota kerajaan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) tidak akan diubah kecuali bagi kes anoma fi.

+Syarat-syarat (SSB) sudah tetap,+ kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas saranan Majlis Bersama Kebangsaan (Pihak Pekerja) bagi Badan-badan Berkanun supaya kerajaan mengkaji semula pelaksanaan sistem gaji baru bagi sektor awam itu.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet yang menghasilkan SSB, berkata kerajaan telah membuat kajian yang teliti sebelum memutuskan bagi melaksanakan SSB.

+Kami mengkaji selama satu tahun dan mengambil kira semua pandangan dan memorandum daripada mereka,+ kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi rakan sejawatannya dari Vietnam Encik Vo Van Kiet bagi mengucapkan selamat jalan.

Perdana Menteri Vietnam itu menamatkan lawatan rasmi selama empat hari ke Malaysia hari ini. -- Lagi.

▼23/01/12-44MST

R GB 23-01 00154 BA415

bah

Mahathir - SSB 2 Kuala Lumpur

Selain daripada memorandum daripada MBK itu, jawatankuasa kabinet itu turut mengkaji memorandum daripada CUEPACS dan banyak kesatuan sekerja lain.

Dalam membuat saranan berkenaan, MBK berkata terdapat elemen ketidakadilan khususnya perbezaan besar dalam tambahan gaji antara kakitangan kerajaan kumpulan rendah dan tingkatan tertinggi termasuk elaun khas bagi para pegawai tingkatan tertinggi.

Perdana Menteri berkata tidak ada satu urusan penyemakan semula gaji yang akan dianggap adil kepada semua orang.

+Mana ada semakan gaji yang adil kepada semua orang. Kalau ada orang boleh buat lebih adil daripada itu, buatlah.

+Tetapi janganlah buat untuk hendak bayaran yang tinggi sahaja kerana kerajaan tidak ada duit,+ kata beliau.

Bagi melaksanakan SSB ini, kerajaan perlu menanggung kos perbelanjaan tambahan sebanyak \$1,120 juta bagi 1992 sahaja dan sebanyak \$7,185 juta bagi tempoh lima tahun pertama perlaksanaannya. -- Lagi.

▼23/01/13-25MST

R GB 23-01 00088 BA416

bah

Mahathir - SSB 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Tentulah ada orang yang tidak setuju (dengan SSB) tetapi umumnya ramai yang bersetuju.+

Beliau berkata kerajaan bersedia untuk menimbang sebarang tuntutan berhubung dengan anomali dalam pelaksanaan sistem baru itu.

Katanya, sebarang tuntutan mengenai anomali boleh dikemukakan kepada Tribunal Perkhidmatan Awam.

Dalam kunjungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali. -- Bernama.

▼23/01/13-27MST